

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @NYALAU ANAK
BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 17.03.2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 62

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan adakah kementerian
memperuntukan sejumlah bajet dalam menaiktaraf
jalan balak khususnya di jalan Ulu Lemanak dan jalan
balak ke Ulu Engkari.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai kawasan yang terlibat dalam Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di Negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah disusun dan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Berdasarkan senarai yang dikemukakan, jalan Ulu Lemenak dan Ulu Engkari tidak disenaraikan di bawah jajaran yang terlibat dalam projek ini. Walau bagaimanapun, di Bawah Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di negeri Sarawak Fasa 4, Bahagian Sri Aman yang diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jajaran Sebeliau/Uyau di Parlimen Lubok Antu sepanjang 27km telah disenaraikan untuk dinaiktaraf.